

# DUTA ARGENTINA DEKLARASI PERKONGSIAN TEKNOLOGI PENYELIDIKAN RUMPAI LAUT

**Oleh Afihasanah Ahmad Laili**

Kota Kinabalu, 25 Mac - Lawatan Duta Besar Republik Argentina, Maria Isabel Rendon ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) membawa khabar baik melalui perkongsian teknologi dalam penyelidikan rumpai laut.

“Kedudukan kampus yang strategik, terletak di tengah-tengah Asia Tenggara, dan diperkaya dengan sumber-sumber yang belum diterokai dalam sumber marin dan semula jadi, boleh digunakan melalui perkongsian teknologi dengan Argentina,” kata Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah dalam ucapannya di Canselor, UMS kelmarin.

Maria Isabel Rendon yang menyampaikan ceramah bertajuk ‘Argentina-Malaysia Perhubungan: Kini dan Masa Depan’ berkata memaklumkan bahawa beberapa perjanjian dua hala antara Malaysia dan Argentina telah ditandatangani selama ini, seperti Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Kerjasama Ekonomi Perdagangan, Kerjasama Sainifik dan Teknikal, Perjanjian Pengangkutan Udara dan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pelancongan.

Mengenai pelaburan Argentina di Sabah, Maria Isabel Rendon berkata Industri Metalurgias Pescarmona (IMPSA), sebuah syarikat terkemuka Argentina telah bertapak di sini sejak tahun 2010 dalam kontrak memulihkan Tenom Pangi loji tenaga hidro di Sungai Padas. Projek ini telah berjaya memulihkan tiga turbin bagi membekalkan tenaga yang boleh diperbaharui kepada 150,000 isi rumah.

Harun berkata mengikut pengalaman lepas, pertukaran ekonomi bersama antara Argentina dan Malaysia telah menguntungkan kedua-dua belah pihak.

“Statistik pada tahun 2011 menunjukkan pertukaran perdagangan merangsang kedua-dua negara,” jelas Naib Canselor UMS.

“Dengan perjanjian bersama yang ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Republik Argentina sebelum ini, kerajaan Argentina telah mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada

pengendalian kapal laut dan pesawat di pelabuhan antarabangsa,” tambahnya lagi.

Beliau turut memaklumkan bahawa sejak era Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, merupakan titik tolak kepada permulaan dasar bukan penjajaran sebagai formula baru terhadap dasar luar.

“Sejak itu, dasar luar Malaysia telah konsisten sebagai satu cara untuk meningkatkan hubungan diplomatik dengan semua negara tanpa mengira perbezaan mereka dalam ideologi dan sistem politik,” katanya lagi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Argentina Marcos A. Bednarski.